



BULETIN JAKIM

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



PERCUMA

ISSN 1823 - 3090



9 771823 309007

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Sidang Redaksi

PENAUNG

Dato' Haji Wan Mohamad
Dato' Sheikh Abdul Aziz
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam
Malaysia

PENASIHAT

Mohd Noor Abd. Hamid
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan)

KETUA PENGARANG

Mohamad Saari
Pengarah Bahagian Penerbitan

PENGARANG

Mohd Yusof Sham

JURUFOTO

Jamal Ibrahim

PENGEDAR

Unit Edaran
Bahagian Penerbitan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Aras 1 & 4, Blok D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan
62519 Putrajaya

ATUR HURUF / REKA BENTUK
ELPOS PRINT SDN. BHD.

Dari Meja Pengarang

RASUL DISANJUNG, SUNAH DIJUNJUNG

Kepercayaan kepada Nabi Muhammad SAW, nabi junjungan besar yang membawa rahmat sekalian alam merupakan salah satu rukun Iman yang wajib dipercayai oleh seluruh umat Islam. Setiap hari kita berselawat kepadanya dalam solat. Namun adakah sekadar mempercayainya dan berselawat, ia sudah memadai? Sudah tentu tidak. Sebagai muslim yang taat kepada rasul-Nya, tanggungjawab terhadapnya perlulah dibersihkan. Percaya kepada rasul tidak hanya di bibir sahaja, justeru kita mesti melaksanakan sunnah dan ajarannya, menjadikan rasul sebagai contoh dan ikutan dalam segenap aspek kehidupan serta mencintai rasul sepenuh hati. Kalau kita cintai seseorang sudah pasti kita sanggup melakukan apa sahaja untuknya.

Kita tidak akan terdaya untuk melaksanakan segala sunnah baginda. Kalau perkara asas pun kita tidak mampu laksanakan, manakan pula perkara-perkara yang lebih besar, bahkan perkara wajib pun kadangkala terlepas juga. Kita ambil contoh yang mudah, berapa kerap kita bersedekah, bertahajjud, memberi salam, membaca basmallah sebelum melakukan sesuatu dan sebagainya? Ada kalanya kita ketinggalan untuk melaksanakannya atau terlalu sikit mengamalkannya.

Kita perlu sedar, umat Islam kini adalah umat akhir zaman, umat yang semakin jauh dari zaman kegemilangan Nabi SAW. Zaman yang semakin rumit dan mencabar yang mengganggu gugat iman kita. Setakat manakah amalan kita untuk masuk ke syurga-Nya? Cukupkah amalan sehari-hari yang tidak seberapa ini sebagai tiket ke syurga? Lantaran itu, berazamillah dari sekarang untuk melaksanakan sunnah junjungan besar Nabi Muhammad SAW sedikit demi sedikit. Mulakan dengan perkara yang mudah seperti adab makan, adab tidur, amalan-amalan sunat, dan sebagainya.

Memanglah susah untuk membiasakannya, namun apabila ia sudah sehati dengan diri kita, ia seperti tidak kena jika tidak melakukannya. Bak kata pepatah alah bisa tegal biasa. Niat dan usaha untuk melakukannya perlulah ditanam dalam hati kita. Jangan tunggu mentari menyingsing, kelak menyesal tak henti-henti.



Kandungan

• Hayati Sejarah Nabi	3	• Praujian SKPPL Jakim	10
• Pelancaran Bulan Dakwah	4	• Bengkel Semakan Modul Kursus Khas Pegawai Hal Ehwal Islam dan Kursus Pengurusan Fatwa	11
• Pertahanan Kesucian Islam - PM	4	• Sistem Maklumat Penguasaan dan Pendakwaan Syariah Mula Dibangunkan	11
• TYT Sabah Rasmi Kompleks PLIK	4	• Lawatan Perwakilan Ministry of Population Welfare, Pakistan	11
• KAFA Lahir Modal Insan Cemerlang	5	• Forum Hijrah Diri di Sekolah Tunas Bakti, Pulau Pinang	12
• Edaran Tafsir al-Quran di Hotel	5	• Program Ziarah Pesakit di Hospital Kepala Batas	12
• Seminar Takhrij Hadith Peringkat Kebangsaan 2009	6	• Mesyuarat Terhimpun Puspanita	12
• Persidangan Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam	6	• Kursus Penceramah MBKPI	13
• Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pendekatan Islam Hadhari	7	• Menjana Kemantapan Akidah OKU	13
• Kem Motivasi Pemimpin Wanita	7	• Belia Puja Syaitan	13
• Muzakarah JKF Kali Pertama 2009	7	• Ceramah Penerapan Nilai-nilai Islam	14
• Penjelasan Isu Kalimah Allah	8	• Kandungan Aktiviti/ Game Islam Hadhari Diperhebatkan	14
• Perhimpunan Bulanan Jakim Februari '09	9	• Maklumat SISIM Sabah Dikemas Kini	14
• Muzakarah Hakim Majlis Tilawah dan Hafazan Peringkat Kebangsaan	9	• Radio Jakim Salam FM Mula Siaran	15
• Fahami Tugas yang Hendak Dilaksanakan - TKPO	9	• NRE Anjur Kursus Bina Insan	15
• Liberalisme Ancam Akidah	10	• Jakim Bekerjasama dengan SPA Kedah	15
• Siri Kunjungan Hormat Pengarah Jakim Cawangan Sabah	10	• Jakim Sabah Rangkul Tempat Ketiga	15
		• Penempatan dan Pertukaran Pegawai Jakim Mac 2009	16

HAYATI SEJARAH NABI – SULTAN MIZAN



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah menyeru umat Islam di negara ini supaya menghayati sejarah kehidupan Nabi Muhammad SAW yang penuh dengan iktibar dan pengajaran.

Baginda bertitah, Rasulullah meninggalkan panduan amat berguna kepada umatnya untuk diikuti agar mampu mencipta satu tamadun yang gemilang. Menurut baginda, antara asas ke arah kecemerlangan yang sering ditekankan oleh Rasulullah SAW ialah kepentingan kesatuan di kalangan umatnya sebagai pemangkin kepada pembentukan khaira ummah.

"Untuk menjadi sebuah negara maju pada masa depan tidak akan tercapai jika aspek kesatuan atau perpaduan diambil ringan oleh semua pihak," titah baginda.

Yang di-Pertuan Agong bertitah demikian ketika merasmikan Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan 2009



bertemakan 'Wahdah Pemangkin Khaira Ummah' di Dataran Merdeka pada 9 Mac 2009.

Turut hadir Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak, dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Sambutan itu disertai hampir 100,000 peserta termasuk kakitangan kerajaan, badan berkanun, pertubuhan swasta, para pelajar dan badan bukan kerajaan (NGO).

Pada majlis itu, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong turut berkenan menyampaikan Anugerah Maulidur Rasul kepada enam penerima. Penerima Anugerah Perdana Maulidur Rasul 2009 yang buat julung kalinya diperkenalkan pada sambutan kali ini ialah Profesor Dr. Sidek Baba dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang membawa pulang RM50,000 dan plak.

Penerima Anugerah Maulidur Rasul pula ialah Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Dato' Dr. Ma'amor Osman, Pengarah Urusan Syarikat Laksamana Nusantara Sdn. Bhd., Mortadha Abdullah, Yang Dipertua Persatuan Pengasah Malaysia, Mohd Yunus Pathi, qari muda, Muhammad Ahmad Zahid dan kanak-kanak istimewa kurang upaya dari pinggang ke bawah, Muhammad Haziq Samrat. Mereka menerima wang tunai RM22,000 dan plak.



PELANCARAN BULAN DAKWAH



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah telah berkenan menyempurnakan Majlis Pelancaran Bulan Dakwah Peringkat Kebangsaan 2009M/1430H di Dewan Plenari Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 19 Februari 2009.

Bulan Dakwah yang bertemakan "Wahdah Pemangkin Khaira Ummah" ini berlangsung selama sebulan bermula 15 Februari 2009. Program ini diurussetiakan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Jakim dan jabatan-jabatan agama Islam negeri.

Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang berlangsungnya Bulan Dakwah ini, antaranya karnival halal, penerbitan buku, seminar, dialog antara agama, kembara dakwah, ekspedisi dakwah, program khidmat sosial, dan sebagainya. Program turut diadakan di peringkat kementerian dan negeri.

Menelusuri sejarah penganjuran Bulan Dakwah ini, kali terakhir ia diadakan pada tahun 1978, iaitu kira-kira 30 tahun dahulu. Ia dihidupkan dengan strategi dan pendekatan yang berbeza mengikut tujuan dan sasaran. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, program ini dijelmakan semula bagi mewujudkan kesedaran di kalangan umat Islam bahawa agenda dakwah tidak dipertanggungjawabkan kepada kelompok tertentu sahaja, malah kepada semua pihak termasuk agensi kerajaan, NGO, dan semua lapisan masyarakat.

PERTAHANKAN KESUCIAN ISLAM - PM



Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan kesucian agama Islam perlu dipertahankan agar dipandang mulia oleh semua golongan masyarakat. Kesatuan dalam mempertahankan kesucian Islam perlu diambil berat sekalipun berbeza fahaman politik demi survival bangsa dan agama di tanah air tercinta. Beliau berkata demikian semasa mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali ke-48 pada 19 Februari 2009 bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya.

Dato' Seri Abdullah turut menyatakan kebimbangan mengenai isu-isu ekonomi yang akan memberi tekanan kepada ekonomi negara terutama daripada sektor pekerjaan dan eksport barangan. Jalan penyelesaian perlu diambil perhatian melalui langkah jimat cermat dan pakej rangsangan daripada kerajaan. Yang perlu ialah memastikan perbelanjaan dibuat dengan berkesan serta mendatangkan manfaat kepada rakyat.

Mesyuarat ini dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, menteri-menteri besar, exco-exco kerajaan negeri, ahli-ahli dilantik, ketua-ketua jabatan agama Islam negeri, agensi agama di bawah portfolio Menteri di JPM dan Ketua Pengarah Jakim sebagai Setiausaha Mesyuarat. Mesyuarat ini membincangkan tujuh kertas cadangan dan 12 kertas makluman mengenai pelbagai isu.

TYT SABAH RASMI KOMPLEKS PLIK



Majlis Perasmian Kompleks Pusat Latihan Islam Kundasang (PLIK) telah diadakan pada 22 Februari 2009 bertempat di PLIK. Majlis perasmian disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun

Datuk Seri Panglima Haji Ahmadshah bin Abdullah. Beliau dalam ucapan perasmiannya berharap kompleks latihan seumpama ini dapat menjadi titik tolak dalam meneruskan perjuangan visi, misi serta objektif penubuhannya dan dapat dilaksanakan dengan penuh terancang seterusnya mencapai kejayaan.

Turut hadir menyerikan majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Ketua Menteri Sabah, YB Datuk Hj. Nasir Tun Sakaran, Timbalan Menteri Kewangan 1, YB Dato' Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, dan Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz.

Pelbagai aktiviti telah diadakan bersempena majlis ini seperti Hari Sukan PLIK, Malam Jasamu Dikenang, Malam Kebudayaan Islam, pemeriksaan kesihatan dan pameran.

KAFA LAHIR MODAL INSAN CEMERLANG

Jakim telah mengadakan program Multaqa Penyelia dan Guru-guru KAFA peringkat negeri Sabah pada 21 Februari 2009 di Dewan Masyarakat Tawau Sabah. Seramai 1,000 orang peserta yang terdiri daripada guru-guru dan penyelia-penyelia KAFA negeri Sabah telah menyertai multaqa tersebut.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Turut hadir semasa ialah Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Ahmad Husni Mohamad Hanadzalah, Menteri di Jabatan Ketua Menteri Sabah, Datuk Hj. Nasir Tun Sakaran, dan Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz. Multaqa tersebut bertujuan memberi peluang secara langsung antara Jakim dengan guru dan penyelia KAFA di peringkat akar umbi



berbincang dan mencari idea untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan selama ini di negeri Sabah.

Dalam ucapan perasmian, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid menyatakan bahawa pihak kerajaan sentiasa memberi perhatian serius terhadap pelaksanaan sistem pendidikan Islam di negara ini khususnya pendidikan peringkat rendah. Menurut beliau, melalui pendidikan KAFA, pembelajaran al-Quran dan fardu ain dapat dilaksanakan secara sistematik untuk melahirkan modal insan yang cemerlang dan terbilang. Sebagai contoh dalam keputusan peperiksaan UPKK pada tahun 2008 negeri Sabah telah mencapai keputusan yang cemerlang dengan peratus kelulusan 99.9 peratus.

EDARAN TAFSIR AL-QURAN DI HOTEL



Majlis Pelancaran Edaran Tafsir al-Quran (Inggeris) di Hotel sekitar Kuala Lumpur telah diadakan di Dewan Tun Dr. Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur pada 25 Februari 2009. Perasmian telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Program hasil daripada cetusan idea Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid ini merupakan salah satu usaha dakwah bagi meninggikan syiar

Islam. Bagi fasa awal ini, sebanyak 5000 naskhah tafsir al-Quran diedarkan di hotel-hotel lima dan empat bintang sekitar Kuala Lumpur. Program anjuran Jakim dengan kerjasama Yayasan Taqwa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ini bertujuan memberi tarbiah kepada pengguna hotel yang beragama Islam di samping menerapkan nilai-nilai murni melalui al-Quran. Ia memberi peluang kepada pelancong muslim dan bukan muslim untuk memahami dan mendalami ajaran Islam.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim, Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Pengerusi Persatuan Hotel-hotel Malaysia (MAH), Datuk Ilyas Zainol Abidin, Naib Presiden Persatuan Pemilik-pemilik Hotel Malaysia (MAHO), Encik Ahmad Kamil Adnan, Pengarah Jabatan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) merangkap Setiausaha MAIWP, Dato' Haji Che Mat Che Ali dan Pengurus Besar Yayasan Taqwa, Encik Ahmad Ayob Hj. Ibrahim.



SEMINAR TAKHRIJ HADITH PERINGKAT KEBANGSAAN 2009



Seminar Takhrij Hadith Peringkat Kebangsaan 2009 telah dilaksanakan di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 26 Februari 2009. Turut diadakan serentak bersama seminar tersebut ialah Majlis Pelancaran Permuafakatan Alumni Timur Tengah dan Alumni Pengajian Islam Malaysia. Permuafakatan alumni ini bertujuan mengangkat martabat kedua-dua alumni dalam satu wadah.

Perasmian dan pelancaran kedua-dua program tersebut disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Hadir sama dalam majlis tersebut Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim, Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Dekan Fakulti Pengajian Islam UKM, Prof. Zakaria Stapa, Yang Dipertua Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, Ismail Haji Abdul Halim, dan Naib Canselor USIM Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid dalam ucapan perasmian, mengumumkan idea penubuhan Darul Hadith bakal direalisasikan setelah geran sebanyak RM 1 juta telah diluluskan. Beliau dalam ucapannya turut menyelar penggunaan istilah Allah dalam Bible.

Enam kertas kerja telah dibentangkan dalam dua sesi seminar tersebut yang membabitkan tokoh dan pakar hadith tempatan seperti Prof. Madya Dr. Fauzi Deraman (UM), Ustaz Fadlan Mohd Othman (UKM), Ustaz Ahmad Asmadi Sakat (UKM), Dr. Muhd Najib Abdul Kadir (UKM), Dr. Faisal Ahmad Shah (UM), dan Prof. Madya Dr. Ismail Yusoff (UKM).



PERSIDANGAN PENGGERUSI-PENGGERUSI JAWATANKUASA HAL EHWAL AGAMA ISLAM



Persidangan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwat Islam Seluruh Malaysia Kali Pertama 2009 telah berlangsung pada 24 Februari 2009 di Dewan Tanjung Puteri, Persada, Johor Bahru. Persidangan yang telah dihadiri oleh 14 orang pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwat Agama Islam Seluruh Malaysia, pengarah-pengarah jabatan agama Islam negeri, wakil-wakil JPA, Kementerian Kewangan, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Yadim, JKSM dan pengarah-pengarah bahagian di Jakim telah membincangkan sebanyak enam kertas kerja.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam ucapan aluannya berharap supaya kesepakatan dapat dicapai tanpa mengira pegangan dan ideologi politik. Semua negeri diharap dapat melaksanakan dan menterjemahkan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang mengikut situasi negeri masing-masing dengan baik. Beliau turut memaklumkan bahawa Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan pada kali ini akan memperlihatkan beberapa kelainan. Semua pihak dipohon memberikan kerjasama ke arah meninggikan syiar Islam. Terdahulu, Majlis Makan Malam Sempena Persidangan ini telah diadakan pada 23 Februari 2009 di Permata Ballroom, The Puteri Pacific Hotel, Johor Bahru.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI



Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim.

Pada 12 Februari 2009 telah berlangsung Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pendekatan Islam Hadhari peringkat Kementerian/ Negeri Kali ke-5 Bil. 1/2009 bertempat di Dewan Persidangan ICU, Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat dipengerusikan Timbalan

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh KSU dan wakil, SUK negeri dan wakil serta wakil dari lapan agensi pelaksana Pendekatan Islam Hadhari. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklum balas mengenai pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari yang berteraskan Pelan Strategik Lima Tahun Pendekatan Islam Hadhari di peringkat kementerian, negeri dan agensi-agensi.

Peranan yang dimainkan oleh pegawai kader di Kementerian juga turut diambil kira bagi memastikan pelaksanaannya dapat dijalankan dengan konsisten dan berkesan. Penempatan pegawai kader ini juga akan dilaksanakan di semua Pejabat SUK Negeri.

KEM MOTIVASI PEMIMPIN WANITA

Kem Motivasi Pemimpin Wanita telah diadakan pada 26 hingga 28 Februari 2009 bertempat di Puteri Resort, Ayer Keroh, Melaka. Program tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim. Antara objektif kem motivasi ini adalah untuk memperkasakan diri peserta agar menjadi pemimpin yang menghayati Islam, meningkatkan kesedaran sifat pemimpin yang berintegriti serta menanam sifat kerja berpasukan.

Kem motivasi ini telah disertai oleh 400 orang peserta. Kem motivasi ini juga turut dibantu oleh tenaga fasilitator jemputan dari Kelab Sahabat Bina Negara, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dan Bahagian Dakwah Jakim.



MUZAKARAH JKF KALI PERTAMA 2009



Jawatankuasa Fatwa (JKF) Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah mengadakan muzakarah kali pertamanya bagi tahun 2009 pada 12 Februari 2009 bertempat di Dewan Syura Jakim. Muzakarah kali ke-85 sejak penubuhannya itu telah dipengerusikan oleh P'rof. Dato' Dr. Abdul Shukor Husin, dan dihadiri oleh seramai 100 orang Sahibus Samahah mufti-mufti, empat orang ahli dillantik oleh Majlis Raja-raja serta Ketua Pengarah Jakim selaku Setiausaha.

Dato' Dr. Abdul Shukor dalam ucapan alu-aluannya, beliau telah mengucapkan tahniah kepada Jakim atas usaha dan

kesungguhan yang telah dilakukan bagi menubuhkan Bahagian Pengurusan Fatwa dan Pembangunan Ijtihad. Beliau yakin dengan kesungguhan yang ditunjukkan dan sokongan semua ahli JKF, bahagian ini dapat melaksanakan fungsinya bagi mencapai matlamat dan hala tuju yang telah digariskan ke arah memperkasakan institusi fatwa di negara ini. Urus setia JKF yang sebelum ini dipegang oleh Bahagian Keurusetiaan dan Perhubungan Antarabangsa kini telah diambil alih Bahagian Pengurusan Fatwa dan Pembangunan Ijtihad.



PENJELASAN ISU KALIMAH ALLAH

22 Selasa, 3 Mac 2009

Setempat

Harian Metro

1M PILIH 22A 2 (p-m)

>>Oleh Kamarulzaman Pld
amst@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: Pemimpin Katolik tidak sepatutnya terdesak dan tersepit menggunakan perkataan 'Allah' sebagai nama Tuhan mereka kerana perkataan itu tidak ada dalam kitab Bible.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Wan Mohamad Sheikh Abd Aziz, berkata jika perkataan Allah terdapat dalam kitab suci agama itu, beliau meminta supaya pihak terbabit menunjukkan kepadanya.

"Saya nak tanya dalam kitab suci agama lain, adakah disebut Tuhan mereka adalah Allah? Kalau boleh tunjukkan kepada saya sama ada ada kitab Bible yang merujuk bahawa Tuhan yang mempunyai anak iaitu Jesus itu adalah Allah, Tuhan dalam agama Islam ialah Allah yang tak ada anak dan tidak diperanakkan.

"Pemimpin-pemimpin Katolik tak sepatutnya rasa terdesak dan tersepit untuk pinjam nama Tuhan lain yang tak ada dalam kitab suci mereka.

"Langkah itu nampaknya langkah terdesak dan tak perlu sebenarnya," katanya pada sidang media mengumumkannya sambutan Maulidur Rasul s.a.w Peringkat Kebangsaan 1430 Hijrah di pejabatnya di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menyarankan orang bukan Islam di negara ini dibenarkan menggunakan perkataan Allah.

Nik Abdul Aziz mendakwa keadaan itu bersandarkan kepada penggunaan perkataan Allah berlaku sejak zaman-berzaman lagi, malah dalam al-Quran juga disebut perkara itu.

Wan Mohamad berkata, beliau adalah orang Islam pertama yang akan gembira jika perkataan Allah yang digunakan penganut agama lain itu merujuk kepada Allah yang diyakini umat Islam.

"Sebagai orang Islam, kalau ada mana-mana penganut agama lain yang sudi mengiktiraf dan berikrar bahawa

'Tunjuk pada saya'

FAKTA
Kekeliruan boleh bawa ketegangan

Pemimpin Katolik tak patut pinjam nama Tuhan tiada dalam Bible



WAN MOHAMAD...khusus untuk umat Islam

Tuhan mereka adalah Allah seperti yang diyakini penganut agama Islam yang yakin Allah tak ada anak dan tidak diperanakkan, saya orang Islam yang paling gembira.

"Kalau ada sesiapa yang boleh terima Tuhannya adalah Allah tapi kalau Tuhan yang dimaksudkan dengan nama Allah itu Tuhan yang ada anak, Tuhan yang mungkin ada tangan dan kaki dengan jumlah tertentu, tentulah itu bukan Allah dalam kepercayaan kami orang Islam," katanya.

Beliau berkata, perkataan Allah tidak boleh digunakan sebarang oleh pihak lain kerana ia adalah nama khas yang dirujuk kepada Tuhan bagi umat Islam.

"Begitu juga dengan perkataan mufti, kalau sesiapa saja boleh guna, mungkin nanti ada pihak lain yang nak

pinjam perkataan mufti.

"Kalau begitu, nanti ada dua mufti. Katalah Mufti Perlis, kalau sesiapa saja boleh guna, nanti ada mufti dalam Katolik, selain mufti agama Islam," katanya.

Mengenai akhbar The Herald - The Catholic Weekly yang masih mahu menggunakan perkataan 'Allah' dalam penerbitannya baru-baru ini, beliau berkata, di peringkat awal ia akan menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat.

"Kekeliruan itu boleh membawa ketegangan dan ini patut kita elak sebab Malaysia terlalu kaya dengan sejarah ketegangan antara kaum dan penganut agama.

"Kita sebagai pemerintah bertanggungjawab memastikan keadaan aman dan ada persefahaman antara agama, jadi lebih baik ambil langkah-langkah awal bagi mengelak ini daripada berlaku," katanya.

Mengenai tindakan Kementerian Dalam Negeri (KDN), membatalkan serta-merta pewartaan perintah yang membenarkan penggunaan perkataan Allah dalam penerbitan akhbar The Herald - The Catholic Weekly itu, Wan Mohamad berkata, itu adalah satu tindakan profesional dan selari dengan keputusan 10 negeri yang menghalang penggunaan perkataan tertentu yang menjadi teras agama Islam.

Keratan akhbar Harian Metro, 3 Mac 2009.

PERHIMPUNAN BULANAN JAKIM FEBRUARI '09



Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz menyatakan dalam kegawatan ekonomi yang mengakibatkan pembuangan kerja beramal-ramai, Jakim pula akan mengambil lebih 500 untuk perjawatan skim perkhidmatan hal ehwal Islam. Beliau juga menyampaikan berita gembira apabila permohonan penstrukturan semula Jakim sejak tahun 2007 diangkat kepada pihak JPA mendapat maklum balas positif. Beliau bercakap demikian dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Jakim pada 20 Februari 2009 di Auditorium Aras 5, Blok D8, Putrajaya. Beliau juga turut menggesa supaya kekuatan peribadi dapat digabungkan dengan kekuatan organisasi sesuai dengan nama Jakim.

Pada akhir ucapannya, Dato' Haji Wan Mohamad menyeru ahli Puspanita Jakim supaya saling menyayangi antara ahli seperti sebuah keluarga yang mempunyai nenek, ibu, kakak dan adik.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jakim, En. Mohd Noor Abd Hamid yang sebelum ini berkhidmat di Kementerian Pelancongan dalam ucapannya, melahirkan rasa bangga dapat berkhidmat di Jakim kerana bukan sahaja dapat berkhidmat untuk bangsa dan negara, malahan dapat berkhidmat untuk agama Islam. Beliau menambah, kakitangan Jakim perlu menerima komentar atau pandangan negatif sebagai 'hadiah' bagi membetulkan segala kesalahan.

MUZAKARAH HAKIM MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN PERINGKAT KEBANGSAAN

Muzakarah Hakim-hakim Majlis Tilawah dan Hafazan Peringkat Kebangsaan 1430H/2009M telah diadakan dengan pada 23 hingga 26 Februari 2009. Muzakarah ini telah dianjurkan oleh Bahagian Keurusetiaan dan Perhubungan Antarabangsa bertempat di Hotel Empress, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor. Muzakarah ini mengumpulkan hakim-hakim yang terlibat menghakimi Majlis Tilawah dan Hafazan Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa serta para hakim yang terlibat menghakimi Majlis Tilawah dan Hafazan Peringkat Negeri. Seramai 37 orang hakim telah hadir menjayakan muzakarah tersebut.

Antara objektif muzakarah ini ialah untuk menyemak, memurnikan dan menyelaras buku peraturan Majlis Tilawah dan Hafazan Peringkat Kebangsaan/Negeri, mendokumentasikan semula kedua-dua peraturan majlis tilawah dan hafazan, dan memantapkan hubungan mesra yang sedia terjalin di kalangan para hakim dan juga dengan pihak urus selia.

Majlis perasmian penutup muzakarah telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz. Beliau berkata sumbangan khidmat penghakiman dan teguran oleh para hakim banyak membantu meningkatkan mutu kedua-dua majlis berkenaan.



FAHAMI TUGAS YANG HENDAK DILAKSANAKAN - TKPO



“Kita mesti faham tugas sendiri yang hendak dilaksanakan, sekiranya tidak tahu, perlu tanya kepada ketua. Kita harus menyediakan senarai tugas yang jelas dan boleh dihitung supaya mudah dibuat penilaian.” Itulah antara ucapan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim, Tuan Haji Othman Mustapha dalam ucapan perasmian majlis penutup Kursus Asas Perkhidmatan Hal Ehwal Islam (PHEI) siri 1/2009 yang telah diadakan pada 19 Februari 2009 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk membentuk sikap positif dan personaliti warga kerja PHEI yang berhemah

tinggi, berbudaya serta mengamalkan nilai dan etika yang baik di samping memberi pendedahan mengenai fungsi dan tanggungjawab Jakim. Ia dilaksanakan sejajar dengan Pelan Latihan Jakim. Seramai 117 peserta kursus terdiri daripada kakitangan kumpulan sokongan gred S17 lantikan bulan Ogos 2008 telah mengikuti kursus ini bermula 12 hingga 20 Februari 2009 bertempat di Pusat Pemantapan Akidah, Jerebu, Negeri Sembilan dan ILIM.

Tuan Haji Othman juga mengingatkan kepada semua peserta kursus supaya melaksanakan kerja dengan profesional dan bersedia untuk menjadi rujukan khususnya dalam aspek keagamaan. Harapan beliau lagi, agar semua peserta hendaklah rajin belajar daripada pengalaman pegawai-pegawai yang telah lama berkhidmat dan sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan.

Turut hadir sama di majlis tersebut ialah Pengarah ILIM, Tuan Haji Paimuzi Yahya, Pengarah Bahagian Pengurusan Fatwa dan Pembangunan Ijtihad, Puan Wan Morsita Wan Sudin, Pengarah Bahagian Penerbitan, Encik Mohamad Saari serta wakil-wakil pengarah bahagian di Jakim.

LIBERALISME ANCAM AKIDAH



Dengan tema 'Liberalisme Agama: Ancaman kepada Akidah dan Ajaran Islam,' Majlis Muhadharah ILIM kali ke-5 telah diadakan di Auditorium A, ILIM pada 11 Mac 2009. Majlis dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jakim, En. Mohd Noor Abd. Hamid mewakili Ketua Pengarah Jakim. En. Mohd Noor juga telah membacakan teks ucapan Ketua Pengarah yang bertajuk 'Peranan Jakim dalam Menangani Ancaman Liberalisme Agama.'

Muhadharah ini menampilkan dua kertas kerja oleh dua orang tokoh pemikiran Islam, iaitu 'Pemikiran Islam Kontemporari: Tinjauan Kritis-Evaluatif Tentang Tema dan Pola' oleh Pengerusi Kolej Dar al-Hikmah, Dato' Dr. Siddiq Fadzil dan 'Ancaman Gerakan Liberalisme Agama Terhadap Akidah dan Ajaran Islam' oleh Ketua Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Prof. Madya Mohamad Kamil Ab. Majid.

SIRI KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH JAKIM CAWANGAN SABAH

Pengarah Jakim Cawangan Sabah, Ustaz Abd. Aziz Che Yacob telah mengadakan kunjungan hormat beliau kepada Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima Haji Ahmadshah Abdullah pada 11 Februari 2009. Dalam kunjungan tersebut beberapa perkara telah dibincangkan termasuk hal kebajikan saudara baru, aktiviti bersama agensi agama dan isu-isu semasa.

Ustaz Abd. Aziz turut mengadakan kunjungan hormat ke Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) pada 12 Februari 2009, JHEAINS pada 13 Februari 2009, Pejabat Mufti Negeri Sabah pada 25 Februari 2009, dan ke pejabat Menteri di Jabatan Ketua Menteri Sabah, YB Datuk Nasir Tun Sakaran serta Setiausaha Persekutuan Sabah pada 13 Februari 2009. Siri lawatan beliau diadakan bersempena pertukaran beliau ke Istana Negara, Kuala Lumpur sebagai Pegawai Agama Istana berkuat kuasa 16 Februari 2009.



PRAUJIAN SKPPL JAKIM



Bahagian Latihan Jakim telah mengadakan Praujian Standard Kualiti Pengurusan Pusat Latihan (SKPPL) Jakim pada 11 Februari 2009 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi.

Praujian tersebut diketuai oleh Pengarah Bahagian Latihan, Puan Hajah Pauzaiyah Haron. Turut hadir pegawai dari Bahagian Latihan Jakim, Darul Quran, ILIM, Pengetua Pusat Latihan dan Akademik Jakim serta wakil dari beberapa bahagian Jakim lain yang dijemput. Praujian turut dibimbing oleh dua orang fasilitator, iaitu pesara Nazir Kementerian Pelajaran Malaysia, Tuan Haji Jumali Sidek dan Pengetua Kanan Sekolah Cluster KISAS, Tuan Haji Abdullah Jusoh.

Praujian SKPPL diadakan bertujuan untuk melihat dan menilai kebolehlaksanaan dimensi dan elemen yang ditetapkan oleh SKPPL bagi memastikan kualiti dan plawaian pengurusan pusat latihan yang cemerlang dan bertaraf antarabangsa.

BENGKEL SEMAKAN MODUL KURSUS KHAS PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM DAN KURSUS PENGURUSAN FATWA



London dan Kursus Pengurusan Fatwa di Mesir bertempat di ILIM, Bangi. Tujuan bengkel diadakan adalah untuk menyemak kandungan modul kedua-dua kursus tersebut setelah sekian lama dilaksanakan serta membincangkan cadangan-penambahbaikan.

Bengkel tersebut dihadiri oleh 25 orang pegawai Jakim dan JKSM yang pernah mengikuti kursus tersebut dari tahun 1998 sehingga 2008. Dalam ucapan alu-aluan, Pengarah Bahagian Latihan, Puan Hajah Pauzaiyah Haron berharap modul yang terhasil akan memberi kesan positif kepada jabatan dan peserta. Beliau turut mengingatkan kepada para peserta yang akan mengikuti kursus tersebut agar merebut peluang untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman.

Pada 12 dan 13 Februari 2009, Bahagian Latihan Jakim telah mengadakan Bengkel Semakan Modul Kursus Khas Pegawai Hal Ehwat Islam di *Muslim College*

SISTEM MAKLUMAT PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN SYARIAH MULA DIBANGUNKAN

Pembangunan Sistem Maklumat Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah mula digerakkan apabila Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kali Pertama diadakan pada 15 hingga 18 Februari 2009 di Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis.

Cadangan bagi membangunkan sistem maklumat ini selaras dengan usaha kerajaan untuk memanfaatkan penggunaan ICT secara menyeluruh dalam usaha bagi mempercepatkan proses kerja dan serta mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.



LAWATAN PERWAKILAN MINISTRY OF POPULATION WELFARE, PAKISTAN



Seramai enam orang wakil dari *Ministry of Population Welfare*, Pakistan yang diketuai oleh Mr. Nayyar Agha dan dua orang pengiring dari Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah membuat lawatan ke Jakim pada 23 Februari 2009. Delegasi telah disambut oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Keurussetiaan dan Perhubungan Antarabangsa, En. Abdul Hamid Hj. Abd. Samad, serta pegawai-pegawai Jakim. Delegasi telah didekahkan dengan fungsi dan latar belakang Jakim melalui tayangan video korporat Jakim. Tujuan lawatan turut adalah untuk mendapatkan penerangan kesihatan, reproduktif, dan perancangan keluarga dari perspektif Islam.

FORUM HIJRAH DIRI DI SEKOLAH TUNAS BAKTI, PULAU PINANG

Jakim dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah menganjurkan program Forum Hijrah kepada para penghuni dan kakitangan Sekolah Tunas Bakti, Telok Air Tawar, Pulau Pinang. Program tersebut telah diadakan pada 12 Februari 2009 dan disertai 100 orang peserta.

Mesej forum yang telah diadakan ialah untuk mendidik masyarakat terutama kepada para penghuni sekolah supaya mengubah pendekatan dan pemikiran ke arah yang lebih baik dan cemerlang. Penekanan untuk menjadi hamba Allah yang

soleh menjadi fokus utama dalam inti pati forum tersebut.

Perasmian program telah disempurnakan oleh wakil Pengarah JAIPP, Tuan Hj. Ayob Yaacob. Turut hadir Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah Jakim, Ustazah Zainab Abd Rahman.

Forum ini dikendalikan oleh Ustaz Mohd Soiehin Sopian dan dua orang panel iaitu Ustaz Wan Jaafar Wan Ahmad dari ILIM dan Ustaz Mohd Imran dari JAIPP.



PROGRAM ZIARAH PESAKIT DI HOSPITAL KEPALA BATAS

Jakim telah mengadakan Program Ziarah Pesakit di Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang pada 12 Februari 2009. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah Jakim, Ustazah Zainab Abd. Rahman, dan turut dihadiri pegawai Jakim dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. Program ini diadakan bagi meringankan beban penderitaan para pesakit di samping mengingatkan mereka agar sentiasa berusaha, berdoa dan bertawakal kepada Allah.



MESYUARAT TERHIMPUN PUSPANITA



Puspanita Jakim telah mengadakan Mesyuarat Terhimpun Puspanita Jakim setelah tiga tahun tidak diadakan mesyuarat. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Hjh. Saimah Mokhtar ini diadakan di Auditorium Aras 5, Blok D8, Putrajaya pada 20 Februari 2009. Ahli mesyuarat sebulat suara memilih Datin Hjh. Saadiah Hj. Ahmad Rashdi mempertahankan jawatan Pengerusi Puspanita, Pn. Hjh. Rohani Mohammad sebagai Timbalan Pengerusi, Pn. Hjh. Ramlah Yong sebagai Timbalan Pengerusi 1, Pn. Nor Asniah Mohd Noh sebagai Setiausaha, Cik Asiah Alkharib Shah sebagai Penolong Setiausaha, Pn. Salbiah Jamil sebagai Bendahari dan Pn. Noraini Hashim sebagai Penolong Bendahari. Mesyuarat turut membincangkan perancangan aktiviti sepanjang tahun.

KURSUS PENCERAMAH MBKPI

Jakim dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (JAINS) telah menganjurkan Kursus Asas Penceramah Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) Peringkat Negeri Sembilan. Kursus yang berlangsung pada 16 hingga 18 Februari 2009 itu telah diadakan di Bayu Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Peserta bengkel terdiri daripada 64 orang pegawai yang berkhidmat di bawah JAINS dan Pusat Kaunseling MAINS.

Kursus ini bertujuan untuk memberi latihan kepada peserta tentang teknik-teknik penyampaian yang berkesan serta perkongsian maklumat mengenainya. Peserta turut didedahkan dengan kandungan terkini MBKPI siri kedua.

Majlis perasmian penutup dan sesi penyampaian sijil tamat kursus telah disempurnakan oleh Pengarah JAINS Tuan Haji Selamat Paigo. Turut hadir Puan Hj. Zawiah Hasan mewakili Pengarah Bahagian Kesuma Jakim serta Puan Marzita Ibrahim selaku penyelaras program.



MENJANA KEMANTAPAN AKIDAH OKU

Jakim dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) telah mengadakan Seminar Menjana Kecemerlangan dan Pemantapan Akidah OKU 2009 pada 14 Mac 2009 di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Bangi, Selangor. Seminar ini dirasmikan oleh Ketua Pengarah JKM, Dato' Meme Zainal Abidin.

Seminar ini dibarisi tiga orang ahli panel iaitu, Ustaz Wan Jaapar Wan Ahmad, Puan Wan Fadlina Wan Husain dan Ustaz Ismail Hasyim Junaidi, manakala Ustaz Iszam Padil bertindak sebagai moderator.



BELIA PUJA SYAITAN

Satanisme dapat diertikan sebagai pemujaan terhadap syaitan. Penganut satanisme pula digelar satanis (satanist). Istilah satanisme dipelopori oleh pengasas Church of Satan, Anton Szandor LaVey. LaVey mentakrifkan satanisme sebagai satu falsafah kejam yang tanpa berselindung yang mengutamakan kepentingan diri semata-mata. Siri 1 Wacana Minda yang berjudul "Elemen Satanisme dalam Trend Kepenggunaan Media di Kalangan Belia Islam di Malaysia" telah diadakan pada 23 Februari 2009 di Dewan Syura Jakim.

Wacana Minda ini telah disampaikan oleh pensyarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Prof. Madya Che Zarrina Sa'ari selaku ketua penyelidik kajian tersebut. Kajian dijalankan ke atas belia berusia 13 hingga 30 tahun di sekitar Lembah Kelang. Menurut Prof. Madya Che Zarrina, dapatan kajian menunjukkan elemen satanisme dalam media massa arus perdana seperti filem, drama, novel, majalah, komik, muzik, lagu, laman web, pakaian, aksesori, dan permainan video didapati secara meluas di Malaysia.



CERAMAH PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM

Ceramah Penerapan Nilai-nilai Islam yang bertajuk "Penjagaan Kesihatan, Pemakanan Seimbang dan Pengurusan Stress ke Arah Modal Insan Cemerlang" siri kedua telah diadakan pada 27 Februari 2009 di Dewan Syura Jakim. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Dr. Zulkifli Abdul Kadir, pensyarah UiTM. Antara perkara yang ditekankan oleh beliau ialah panduan diet dan kepentingan bersenam.



KANDUNGAN AKTIVITI / GAME ISLAM HADHARI DIPERHEBATKAN

Jakim telah mengadakan Bengkel Penyelarasan dan Pemurnian Kandungan Aktiviti/Game Modul Kursus Pendekatan Islam Hadhari bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).

Bengkel tersebut telah berlangsung selama dua hari bermula pada 14 dan 15 Februari 2009. Para peserta terdiri daripada pegawai penyelaras kursus khususnya dari Bahagian Hadhari dan Pembangunan Insan, institut-institut latihan Jakim seperti ILIM dan Pusat Latihan Jakim Cawangan Sabah serta para fasilitator yang aktif menggerakkan pelaksanaan modul kursus Pendekatan Islam Hadhari di pelbagai kementerian dan jabatan seluruh Malaysia.

Objektif bengkel ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan aktiviti/game agar menepati objektif modul kursus serta memastikan setiap slot aktiviti/game. Selain itu, fokus pemurnian terhadap setiap slot aktiviti adalah untuk memantapkan lagi pelaksanaan kursus.

MAKLUMAT SISMIM SABAH DIKEMAS KINI

Jakim dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) telah mengadakan Bengkel Kemas Kini Data Imam, Bilal, Noja, Masjid dan Surau (SISMIM) Siri 2 bertempat di Hotel Beverly, Kota Kinabalu, Sabah pada 17 hingga 19 Februari 2009. Bengkel ini diurussetiakan oleh Bahagian Kesuma Jakim dengan kerjasama Bahagian Perkhidmatan ICT Jakim serta Bahagian ICT JHEAINS. Bengkel ini merupakan susulan daripada bengkel lalu yang telah diadakan di Pusat Latihan Islam Kundasang, Sabah pada 17 hingga 19 Julai 2008.



RADIO JAKIM SALAM FM MULA SIARAN

Salam FM, stesen radio dengan tagline 'Menjana Minda Ummah' kelolaan Jakim dengan kerjasama RTM memulakan siaran percubaannya dari 1 pagi hingga 8 pagi bermula 15 Februari 2009.

Pendengar sekitar Lembah Kelang boleh mendengar siaran Salam FM melalui gelombang FM iaitu FM 91.1 megahertz, FM 102.5 megahertz di kawasan Pahang Barat, FM 105.1 megahertz di Cameron Highlands dan melalui Gelombang Pendek Kebangsaan (GPK) SW 6070 kilohertz. Pendengar di luar negara juga dapat mengikuti siaran ini melalui gelombang pendek SW 9750 kilohertz 31 meter dan SW 9750 kilohertz 48.58 meter.

NRE ANJUR KURSUS BINA INSAN



Kementerian Sumber Asli (NRE) dengan kerjasama Bahagian Hadhari dan Pembangunan Insan Jakim telah mengadakan Kursus Bina Insan (Pendekatan Islam Hadhari) Siri 1/2009 pada 3 hingga 5 Mac 2009. Kursus ini diadakan di Pusat Penyelidikan Hutan (FRIM) Kepong, Selangor. Seramai 30 orang peserta dari zon tengah telah menyertainya.



JAKIM BEKERJASAMA DENGAN SPA KEDAH



Pada 6 hingga 8 Mac 2009, Bahagian Latihan Jakim telah mengadakan Program Pratemuduga Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 kepada calon pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Kedah bertempat di Institut Tadbiran Awam Negara Wilayah Utara (Intura), Sungai Petani, Kedah. Penganjuran program seumpama ini julung kali diadakan antara Jakim, Kerajaan Negeri Kedah dan Intan.

JAKIM SABAH RANGKUL TEMPAT KETIGA



Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Sabah 2009 telah berlangsung di Padang Merdeka pada 9 Mac 2009. Upacara perarakan sambutan ini telah disertai oleh 83 kontinjen yang terbahagi kepada beberapa kategori, iaitu agensi kerajaan, swasta, sekolah, dan kampung. Jakim Cawangan Sabah juga tidak ketinggalan menghantar wakil dan telah merangkul tempat ketiga bagi kategori sepanduk terbaik.

PENEMPATAN DAN PERTUKARAN PEGAWAI JAKIM MAC 2009

BIL.	NAMA PEGAWAI	GRED	DARI	KE	TARIKH KUAT KUASA
1.	En. Mohd Isa bin Abdullah	S44 (M)	Jakim Sabah	JAIN Melaka	02.03.09
2.	En. Mohd Aziz bin Hj. Mohamad	S48 (M)	Kesuma	Jakim Sabah	02.03.09
3.	En. Abdullah bin Mat	S44 (M)	Masjid Putra	Bhg. Fatwa	02.03.09
4.	Mohd Muhiddin bin Ilias	S17	Penjara Sg. Buloh	AADK	16.03.09
5.	Rafiza Diana binti Mohd Rafien	S17	PPA, Jelebu	Bhg. Fatwa	16.03.09
6.	Sofiah Noor binti Yahya	S17	Pej. Mufti KL	Bhg. Penyelidikan	16.03.09
7.	Nik Hazama binti Nik Abdullah	S32	Jawi	Kem. Sumber Asli & Alam Sekitar	16.03.09
8.	Allawiyah binti Mat Husin	S32	Jawi	Kem. Sumber Manusia	16.03.09
9.	Wan Zulyaina binti Wan Zakaria	S32	Jawi	Kem. Kesihatan Malaysia	16.03.09
10.	Nor Azlim bin Mat Sidik	S41	HDC	PPA, Jelebu	02.03.09
11.	Maizatul Natrah binti Mahayudin	N17	Baru	Masjid Negara	02.03.09
12.	Suhaila binti Mohd Fadzillah	N17	Baru	Bhg. Fatwa	03.03.09
13.	Norlizawati binti Selamat	N17	Baru	Bhg. Penyelidikan	03.03.09
14.	Mohd Fazirul Helmey bin Rosmin	N17	Baru	P&K	03.03.09
15.	Hazwan bin Mustazar	N17	Baru	Bhg. ICT	03.03.09
16.	Faidz bin Borhanuddin	N17	Baru	P&K	03.03.09
17.	Rabeza binti Abdul Rahman	N11	Baru	ILIM	06.03.09
18.	Hilwani binti Mohd Hasnu	N17	Baru	ILIM	06.03.09
19.	Faridatul Akmal binti Husain	N17	Baru	Kesuma	06.03.09
20.	Zaidah binti Nurillah	N17	Baru	ILIM	06.03.09
21.	Samliah binti Waji	N17	Baru	ILIM	06.03.09
22.	Fisziana binti Dandan	N17	Baru	P&K	12.03.09
23.	Razwan Hisyam binti Rahmat	N11	Baru	ILIM	10.03.09
24.	Norhaslina binti Ibrahim Basheer	N11	Majlis Keselamatan Negara	Bhg. Dakwah	25.03.09
25.	Mohd Nazarudin bin Othman	N17	P&K	Bhg. Dakwah	03.03.09
26.	Surayati binti Hamid	N17	Bhg. ICT	P&K	03.03.09
27.	Jamaliah binti Latib @ Abd Latib	N11	P&K	Majlis Keselamatan Negara	25.03.09